

Impak Penjajahan British Dan Jepun Terhadap Hubungan Melayu-Cina Di Tanah Melayu

The Effects of British and Japanese Occupations Towards Chinese-Malay Relationship in Malaya

Mohamed Ali bin Haniffa & Ayu Nor Azilah binti Mohamad

ABSTRAK

Penjajahan British dan pendudukan Jepun di Tanah Melayu telah memberi impak ke arah pembentukan sikap prejudis dan prasangka di antara etnik Melayu dan Cina. Senario ini menjadi lebih kritikal sehingga tercetus konflik perkauman Melayu-Cina apabila komunis melakukan keganasan dan kezaliman berikutan pengunduran tentera Jepun. Justeru, kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kepustakaan. Hasil kajian mendapati bahawa perjuangan menentang penjajah telah mencetuskan konflik perkauman yang merintis ke arah kewujudan semangat nasionalisme. Semangat nasionalisme penting kepada seluruh warga Malaysia dalam pembinaan kehidupan yang lebih harmonis antara etnik.

Kata kunci: *Penjajahan British dan Jepun, Konflik Melayu-Cina, dasar pecah dan perintah, komunis, nasionalisme.*

ABSTRACT

The British and Japanese occupations in Malaya have had an impact on the formulation of prejudice feeling among Malay and Chinese ethnics. This scenario became more critical, and it leads to Malay-Chinese racial conflict when the communists committed violence and tyranny following the withdrawal of Japanese troops. This study uses library research methods. The findings show that the struggle against the occupation has triggered racial conflict that pioneered the spirit of nationalism. The spirit of nationalism is important to all Malaysians in order to develop a harmonious life among all ethnics in Malaysia.

Keywords: *British and Japanese colonization, Malay-Chinese conflicts, divide and rule, communist, nationalism*

Pendahuluan

Malaysia ialah sebuah negara yang mengandungi 122 etnik dengan corak bahasa masing-masing. Interaksi, integrasi dan asimilasi merupakan tulang belakang kekuatan kepada sesebuah negara. Isu yang berkaitan dengan hubungan etnik adalah masalah bersama dan tidak pernah putus. Impak negatif akan dirasakan bersama oleh semua lapisan masyarakat sekiranya aspek yang melibatkan hubungan etnik tidak dibajai bersama. Masalah seperti pergaduhan antara etnik, ketidakstabilan politik, rusuhan, pembahagian kekayaan yang tidak adil dan kemiskinan adalah akibat yang akan memudaratkan semua serta membawa impak negatif kepada negara. Masyarakat majmuk merupakan beberapa kumpulan etnik yang hidup berdampingan dan bercampur gaul. Malaysia merupakan negara unik yang terbentuk hasil daripada kebanjiran imigran dan seterusnya mencorakan landskap negara. Kehadiran penduduk dari luar telah membawa bersama warisan kebudayaan dan seterusnya berasimilasi dengan budaya setempat.

Peminggiran berdasarkan zon kemakmuran ekonomi telah dicetuskan oleh British ketika proses pengorientasian kekayaan negara. Tindakan itu telah menyebabkan ketiga-tiga etnik terus terpisah mengikut petempatan mereka. Imigran Cina dan India digunakan oleh British sebagai penjana ekonomi. Sebaliknya peranan orang Melayu hanya diperlukan sebagai pembekal bahan makanan. Oleh yang demikian, mereka tetap berada di kawasan perkampungan dan tidak mengalami mobiliti sosial. Pendekatan British juga menyebabkan orang Melayu berada di takuk yang lama. Dasar British ini juga telah menebalkan sikap prejudis dan prasangka yang sukar dibendung dalam kalangan etnik di Tanah Melayu. Kesempitan hidup ketika zaman kemelesetan ekonomi dan pendudukan Jepun turut merenggangkan hubungan di antara orang Melayu dan Cina. Aspirasi politik berbeza yang diberikan oleh British kepada orang Melayu dan Cina menyebabkan kedua-dua etnik terpisah jauh.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah untuk melihat faktor-faktor yang menjadi punca keretakan hubungan di antara orang Melayu dan Cina di Tanah Melayu selepas penjajahan British dan Jepun. Kedatangan golongan imigran ke Tanah Melayu yang dibawa masuk oleh pihak British demi kepentingan ekonomi telah menimbulkan konflik yang berpanjangan khususnya antara Melayu dan Cina. Keadaan kian meruncing apabila pihak British dan Jepun melaksanakan dasar pentadbiran yang berat sebelah antara Melayu, Cina dan India. Hal yang demikian, telah menyebabkan timbulnya perasaan prejudis dan prasangka perkauman. Dasar pentadbiran pihak British dan Jepun yang bertindak tidak adil kepada semua etnik di Tanah Melayu telah menyebabkan berlakunya konflik antara orang Melayu dan Cina berikutan pengunduran tentera Jepun dari Tanah Melayu.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan sejarah untuk melihat hubungan etnik di Tanah Melayu dan konflik yang terjadi antara orang Melayu dan Cina selepas pendudukan Jepun. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kepustakaan, melibatkan dokumen dan fail.

Sorotan Kajian Lepas

Kenelm O.L. Burrige telah melaksanakan kajian awal mengenai hubungan Melayu-Cina di Batu Pahat, Johor. Hasil penulisan Kenelm O.L Burrige bertajuk *Racial Relations in Johore*. Kajian Burrige memberikan sumbangan dalam memberikan gambaran mengenai pola kehidupan penduduk tempatan yang akhirnya membawa kepada permulaan ketegangan hubungan antara kaum. Kajian Burrige juga telah memberikan sumbangan kerana beliau memberikan maklumat penting mengenai hubungan di antara komuniti Melayu-Cina di Batu Pahat, Johor. Burrige turut menyentuh beberapa contoh kekejaman yang telah dilakukan oleh orang Cina yang kebanyakannya berideologi komunis terhadap orang Melayu. Kajian Burrige amat signifikan kepada kajian etnik kerana memberikan gambaran awal mengenai bibit ketegangan kaum di antara Melayu-Cina. Walau bagaimanapun, kajian Burrige hanya terbatas di daerah Batu Pahat sahaja dan tidak meliputi beberapa lokasi yang meletus pergaduhan Melayu-Cina (Kenelm Burrige, Vol. II, No. 2, May 1951: 157)

Manakala kajian Cheah Boon Kheng pula tertumpu kepada pergaduhan Melayu-Cina yang telah berlaku antara tahun 1945-1946. Cheah Boon Kheng menyifatkan bahawa orang Melayu telah menerima tindakan balas dendam komunis apabila mereka tidak memberikan sokongan kepada perjuangan mereka. Kajian Cheah Boon Kheng bukan sekadar menghuraikan mengenai pergaduhan Melayu-Cina, sebaliknya menggambarkan bahawa tempoh masa tersebut sebagai tahap kebangkitan Islam. Hal ini berlaku apabila soal beragama orang Melayu mula diperlekehkan oleh Cina komunis. Cheah Boon Kheng mengulas bahawa perjuangan orang Melayu telah menggabungkan prinsip *sabilillah* dalam Islam dan seni mempertahankan diri (Cheah Boon Kheng, Volume 12, No. 1, 198: 108).

Terdapat banyak novel sejarah yang memberikan gambaran mengenai keadaan kehidupan ketika zaman pemerintahan Jepun di Tanah Melayu. Hanya terdapat sebuah novel sejarah sahaja yang membincangkan secara menyeluruh mengenai perjuangan orang Melayu mempertahankan survival bangsa. Novelis tanah air yang tersohor, iaitu Zaharah Nawawi telah menghasilkan sebuah Novel Sejarah yang bertajuk *Panglima Salleh Selempang Merah*. Karya ini memberikan gambaran yang baik mengenai perjuangan Panglima Salleh Selempang Merah atau dikenali sebagai Kiai Salleh di Johor. Zaharah Nawawi telah memberikan gambaran yang menarik mengenai usaha Kiai Salleh dalam menyatukan orang Melayu secara berjemaah. Kumpulan ini akhirnya telah berperanan dalam mempertahankan survival dan kelangsungan orang Melayu di Batu Pahat, Johor. Kekuatan penulisan novel sejarah ini ialah dalam memberikan gambaran yang jelas mengenai perjuangan Kiai Salleh bin Abdul Karim di Johor khususnya di daerah Muar dan Batu Pahat (Zaharah Nawawi, 1995: VII).

Red Star Over Malaya, Resistance and Social Conflict During and After The Japanese occupation of Malaya, 1941–1946 merupakan bahan asas yang perlu diteliti dalam membicarakan tajuk mengenai hubungan kaum. Buku ini telah dihasilkan oleh Cheah Boon Kheng dan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama membincangkan mengenai asal mula berlakunya pergaduhan di antara orang Melayu dan Cina. Bahagian kedua pula membincangkan mengenai pergolakan yang berlaku berikutan pengunduran tentera Jepun dari Tanah Melayu. Cheah telah memberikan beberapa faktor yang telah mencetuskan konflik perkauman Melayu dan Cina di beberapa buah negeri. Beliau telah membuat tafsiran bahawa pengenalan beberapa jenis cukai oleh *Malayan People Anti Japanese Army* (MPAJA) dan *Malayan People Anti Japanese Union* (MPAJU) seperti cukai kepala dan cukai komoditi telah menyebabkan kehidupan orang Melayu terbeban. Perbezaan budaya kehidupan di antara orang Melayu dan Cina sedikit sebanyak telah membawa kepada berlakunya perselisihan etnik (Cheah Boon Kheng, 1983: 197).

Kajian Hairi Abdullah pula bertajuk 'Kebangkitan Dan Gerakan Tentera Selendang Merah Dalam Sejarah Daerah Muar dan Batu Pahat'. Penulisan ini memberikan maklumat mengenai pembentukan Tentera Sabil Selendang Merah. Hairi juga telah memberikan gambaran sepintas lalu mengenai pergaduhan Melayu-Cina yang telah berlaku di daerah Muar dan Batu Pahat. Hairi telah membuat penegasan bahawa terdapat tiga tujuan besar yang menyebabkan penubuhan Tentera Sabil Selendang Merah. Antara matlamat penubuhannya adalah untuk mempertahankan kehormatan agama Islam dan tempat-tempat ibadat yang telah dcemari oleh komunis serta memusnahkan segala kezaliman untuk mengawal maruah bangsa, hak dan harta orang-orang Islam. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya terhad di negeri Johor dan pengkaji tidak menyatakan sumber yang telah digunakan bagi menghasilkan kajian

tersebut. Walau bagaimanapun, kajian yang dilakukan oleh penulis adalah menyeluruh khususnya di daerah Batu Pahat, Johor (Hairi Abdullah, Bil., 3/4, 1973/4, 1974/5).

Dasar Pecah dan Perintah

Pengambilan British ke atas Pulau Pinang, Singapura dan Melaka telah menyebabkan berlakunya kemasukan orang Cina secara beramai-ramai ke Tanah Melayu. Matlamat utama kedatangan orang Cina ke Tanah Melayu adalah atas keperluan ekonomi (Micheal R. Godley, 1967: 26). Dasar campur tangan secara rasmi telah memberikan kuasa dan ruang yang luas kepada British memanipulasi kekayaan di Tanah Melayu. Dasar ini juga telah menyebabkan keadaan masyarakat terpisah dan berlakunya keretakan hubungan antara etnik. Bagi memujuk golongan pendatang agar terus memberikan sumbangan dalam bentuk perekonomian, mereka dibenarkan dan dibiarkan untuk mengekalkan identiti serta budaya masing-masing. Namun demikian, perhubungan langsung dengan etnik-etnik lain terutamanya orang Melayu tidak digalakkan (Mardiana Nordin & Hasnah Hussiin, 2014: 296).

Sejarah kemajmukan etnik mula menjadi penting apabila pihak Inggeris mengawal dan menguasai negeri-negeri Melayu. Polisi membawa buruh oleh British telah menyebabkan penghijrahan masuk imigran Cina dan India secara tidak terkawal. Tenaga orang Cina digunakan dalam industri perlombongan bijih timah manakala orang India pula dalam sektor perladangan, khususnya getah. Imperialisme British terus bergerak hebat di Negeri-negeri Melayu (NNM) sebelum abad ke-18 lagi untuk mendapatkan tanah jajahan, bekalan bahan mentah industri seperti bijih timah dan pasaran barangan berikutan Revolusi Perindustrian di Eropah.

Orang Cina yang tekun dan sanggup bekerja kuat dengan menghadapi cabaran dan penderitaan telah mendatangkan kemajuan dalam memobilasikan diri. Mereka membentuk komuniti ekonomi dan membina kehidupan secara berasingan daripada etnik lain di NNM (Leon Comber, 1985: 4). Walau bagaimanapun, dasar campur tangan British telah memberikan implikasi negatif ke atas struktur politik orang Melayu. Hal ini telah membawa kepada kemunduran orang Melayu yang terus menetap di kampung tradisional, komuniti India di ladang getah, manakala orang Cina di kawasan perlombongan dan pinggir bandar. Orang Melayu yang terpinggir di kawasan kampung tidak dapat mengikut arus perubahan ekonomi yang diperkenalkan oleh British. British menetapkan dasar agar orang Melayu kekal sebagai petani sara diri dan mengusahakan hasil sekadar mampu menyara kehidupan. Masyarakat Melayu tidak digalakkan untuk menyertai ekonomi moden. British memberikan alasan bahawa adat resam dan tradisi orang Melayu tidak seharusnya terganggu dengan pemodenan. Situasi ini menyebabkan prestasi ekonomi orang Melayu tidak mencapai kemajuan malahan semakin merosot (Mardiana Nordin & Hasnah Hussiin, 2014: 297). Justeru itu, orang Melayu hanya mampu dalam menyediakan sumber makanan utama kepada penduduk di Tanah Melayu. Keengganan orang Melayu untuk turut serta sebagai tenaga buruh dalam membantu perkembangan ekonomi British itu telah dijadikan alasan untuk membawa masuk buruh Cina dan India ke Tanah Melayu (Mansor Mohd. Noor, et.al., 2006: 84).

Pengambilan tenaga kerja secara tidak terkawal menyebabkan bilangan imigran Cina di Tanah Melayu menjadi seramai 1,171,740 juta orang pada tahun 1921. Bilangan tersebut terus meningkat menjadi 1,704,452 orang pada tahun 1931, 2,377,990 pada tahun 1941 dan 2,614,667 orang pada tahun 1947. Manakala imigran India terus mencatatkan peningkatan seramai 471,514 orang pada tahun 1921, 621,847 pada tahun 1931, 744,202 pada tahun 1941

dan 599,616 menjelang tahun 1947 (M.V. Del Tufo, 1949: 40). Daya usaha orang Cina telah menjadikan perniagaan mereka menjadi semakin makmur dan meningkat. Hal yang demikian dilihat oleh orang Melayu sebagai suatu ancaman besar kepada situasi politik dan ekonomi mereka (Cheah Boon Kheng, 1983: 5). Kemakmuran ekonomi yang didominasi oleh orang Cina dan kesusahan hidup ketika pemerintahan Jepun telah menyebabkan orang Melayu menjadi mangsa keganasan komunis selepas pengunduran tentera Jepun (*WO 172/9773*, No. 10: 2). Walaupun sultan mempunyai keanggotaan dalam *Advisory Council*, namun mereka tidak mempunyai kuasa dalam membuat keputusan. Kehilangan hak pemerintahan dan hak orang Melayu telah dikritik oleh Sultan Abdul Aziz dari Perak. Bilangan orang asing yang terlalu ramai telah menyebabkan orang Melayu mengalami pelbagai kesukaran. Antaranya meliputi aspek pemilikan tanah dan juga keanggotaan dalam *Malayan Civil Service* (MCS) serta *Malayan Administrative Service* (MAS). Walau bagaimanapun, British cuba untuk menunjukkan rasa prihatin bagi mempertahankan hak orang Melayu melalui pengenalan *Malay Reservation Enactment* pada tahun 1913 (Cheah Boon Kheng, 1983: 6).

Kemelesetan ekonomi dunia telah memberi kesan kepada etnik Melayu yang terpaksa berhadapan dengan cengkaman hutang dari etnik bukan Melayu khususnya etnik Cina pendatang dan etnik India pendatang. Orang Melayu mempunyai sikap yang suka berhutang untuk tujuan tertentu seperti sebagai permulaan modal, bersikap boros, mempunyai perasaan yang mudah merasa cukup dengan apa yang diperolehi malah orang Melayu juga tidak pandai menilai harta yang dimiliki. Orang Melayu juga mudah terpedaya dengan taktik yang digunakan oleh bukan Melayu sehingga menjadikan orang Melayu sebagai 'hamba ekonomi.' Masalah hutang orang Melayu ialah dengan para pekedai, pengilang padi dan dengan peniaga Cina. Etnik Cina mengambil peluang dengan berfungsi sebagai penyedia hutang jangka pendek dan jangka sederhana kepada para petani yang tidak mempunyai wang simpanan mencukupi untuk menguruskan hasil tani. Situasi ini memberi peluang kepada etnik Cina untuk bertindak sebagai 'orang tengah' dengan membeli barangan etnik Melayu secara manipulasi harga yang sekaligus memaksa orang Melayu terikat dengan mereka. Etnik Melayu bukan hanya berhutang dengan etnik Cina, malah turut berhutang dengan etnik India. Pada tahun 1933, daripada jumlah 2,301 kebun getah yang melebihi 100 ekar, hanya 59 buah sahaja yang menjadi milik orang Melayu. Sebahagian yang lain telah dijual dan dipajak oleh orang Melayu kepada etnik India atas kerelaan sendiri apabila terpedaya dengan pujukan ceti. Ini sebenarnya juga memperlihatkan sikap keborosan etnik Melayu.

Melayu kelas atasan menyedari tentang kecekatan ilmu pengetahuan dalam mengurus kewangan dan ekonomi oleh etnik Melayu. Lantas, mereka mengambil langkah untuk berbincang dengan pihak British demi melindungi masyarakat Melayu agar tidak berterusan menjadi 'mangsa ekonomi' etnik bukan Melayu. Sekitar tahun 1917-1920, British berusaha memecah pegangan ekonomi etnik Cina dengan mendirikan kilang-kilang padi kerajaan. Ini adalah untuk mengekang tindakan etnik Cina yang terlampau menindas ekonomi Melayu dengan sikap Melayu yang mudah menyerah kalah. Malah satu Rang Undang-undang Pekebun-pekebun Kecil telah diwartakan untuk melindungi hak kepentingan etnik Melayu agar dapat membendung penjualan tanah etnik Melayu kepada etnik bukan Melayu. Antara syarat yang ditetapkan ialah sebarang penjualan tanah harus mendapat keizinan dari Raja dan Majlis Negeri terlebih dahulu. Dua tahun sejeurus itu, Rang Undang-undang Kawasan Simpanan Melayu telah digubal dalam usaha mengetatkan lagi penjualan beli tanah dalam kawasan Melayu. Akan tetapi peruntukan Tanah Simpanan Melayu tetap sukar untuk bersaing dengan etnik pendatang kerana peruntukannya sekadar memastikan mereka mempunyai tanah tanpa mengambil kira nilai tanah berkenaan. Justeru itu, hubungan antara

kedua-dua etnik ini terus dibayangi dengan perasaan tidak puas hati antara satu sama lain (Wan Norhasniah Wan Husin, 2015:210).

Fahaman Komunis

Fahaman komunis telah menjadi salah satu faktor pencetus utama berlakunya konflik Melayu-Cina berikutan pengunduran tentera Jepun dari Tanah Melayu. Aliran ini dibawa masuk ke Tanah Melayu pada awal tahun 1920-an melalui cawangan parti Kuomintang (KMT), kesatuan sekerja, pertubuhan, penerbitan seperti akhbar dan sekolah Cina. PKM mula mengatur strategi dengan menubuhkan *Malayan People Anti Japanese Army* (MPAJA). Orang-orang Cina pula sentiasa bersedia memberikan sokongan tenaga manusia, wang ringgit, makanan, bekalan dan maklumat kepada MPAJA kerana bencikan layanan serta seksaan tentera Jepun. Ketika zaman pendudukan Jepun, PKM telah berjaya menarik sebilangan orang Melayu menyokong dan menyertai perjuangan melalui MPAJA. Hal yang demikian berlaku kerana kekurangan maklumat dan semangat mahu memerdekakan tanah air telah menyebabkan sebilangan orang Melayu terpengaruh dengan ideologi komunis (Wawancara dengan Tuan Haji Ibrahim Chik).

Walau bagaimanapun, proses penjajahan di Tanah Melayu telah mencetuskan nasionalisme dalam kalangan penduduk di Tanah Melayu. Berikutan tentera Jepun yang menyerah kalah, komunis telah menggunakan ruang kekosongan kuasa selama 14 hari dengan melakukan kekejaman. Hubungan baik yang terjalin sekian lama di antara orang Melayu dan Cina telah bertukar sebaliknya. Hal ini juga berpunca apabila mereka memberikan tanggapan negatif bahawa orang Melayu telah bekerjasama dengan tentera Jepun yang membawa kepada berlakunya pembunuhan. Oleh yang demikian, komunis telah keluar dari hutan dan menguasai kawasan balai polis dan bandar (*WO 172/1784*, No. 51: 180). Peluang ini diambil oleh komunis untuk membalas dendam terhadap orang Melayu yang bekerjasama dengan Jepun dalam usaha menentang mereka. Golongan pemimpin tempatan telah menjadi sasaran komunis. Mereka dianggap sebagai individu yang mencetuskan permusuhan terhadap komunis. Justeru itu, ramai tok guru, imam, bekas pekerja pejabat Jepun dan orang biasa yang telah ditangkap dan dibunuh. Banyak rumah yang dibakar pada waktu malam ketika penghuninya sedang tidur (*Mingguan Malaysia*, 4 September 2011: 6).

MPAJA bertindak demikian setelah mendapat arahan daripada "Pusat" pada 24 Ogos 1945. Mereka mengibarkan bendera komunis dan mula melakukan balas dendam. Reaksi protes komunis terhadap British jelas seperti yang berlaku di Raub, Pahang. Mereka mengibarkan bendera komunis di atas bendera *union jack*. Manakala di Kota Bharu, Kelantan, gerila komunis menguasai kawasan bandar. Bintang Tiga yang merupakan cabang tentera MPAJA telah melakukan kezaliman dan keganasan di Tanah Melayu. Mereka mula mengenakan pelbagai jenis cukai kepada penduduk kampung. Kekejaman berterusan dengan tindakan mereka yang menggeledah rumah, merampas barangan penduduk, menyekat jalan raya dan memeriksa kenderaan serta penumpang dan pejalan kaki. Terdapat sebahagian daripada penduduk kampung yang diadili di '*Kangaroo Court*' ataupun Mahkamah Pengadilan Bintang Tiga (J.J. Raj : 1995). Sepanjang tempoh ini, pelbagai bentuk kekejaman dilakukan oleh komunis terhadap orang Melayu seperti dikurung dalam bakul khinzir, disiksa, ditikam dan dikelar serta disepak (Mohamed Ali Haniffa : 2016). Terdapat juga orang Melayu yang ditanam hidup-hidup dengan kepalanya berada di atas tanah untuk

disepak. Ada dalam kalangan mereka yang diikat kaki dan tangan dengan dimasukkan ke dalam guni lalu dicampakkan ke dalam sungai hidup–hidup (Ibrahim Mahmood : 1981).

Terdapat juga orang Melayu yang dibawa masuk ke dalam hutan dan nasib mereka tidak diketahui (*Mingguan Malaysia*: 4 September 2011). Selain melakukan kekejaman, Bintang Tiga juga didapati mengganggu kegiatan keagamaan yang dijalankan oleh orang Melayu di surau dan masjid (Mohamed Ali Haniffa: 2013). Di Batu Pahat, ketika menjelang Jepun menyerah kalah, Bintang Tiga melarang orang Melayu berkumpul di surau atau masjid untuk mengerjakan solat terawih dan beribadat secara berjemaah. Malah masjid turut dicemari dan al-Quran dijadikan sebagai pengesat najis (*Mingguan Malaysia*: 4 September 2011).

Berikutan tindakan komunis yang tidak berperikemanusiaan, konflik perkauman Melayu-Cina yang bermula di Batu Pahat dan Ayer Hitam kemudiannya merebak ke bahagian-bahagian lain di negeri Johor serta ke seluruh negeri pantai barat Semenanjung Tanah Melayu (Mohamed Ali Haniffa: 2017). Pada 10 Jun 1945, MPAJA telah membunuh Pegawai Daerah Batu Pahat, Ismail Abdullah dan Kadi Batu Pahat, Haji Hasbullah. Pegawai Perubatan Batu Pahat, Dr. Woodhull juga dibunuh ketika beliau berunding dengan MPAJA di Benut, Johor. Pada 2 September 1945, Dato' Sheikh Abdullah bin Yahya telah diculik oleh orang Cina dan telah dcederakan. Beliau telah meninggal dunia akibat daripada kecederaan parah pada 5 September 1945 (*RCJ*. 241/46, 8 Julai 1947). Kekacauan turut berlaku pada malam 9 Februari 1946 dan pada tengah hari Ahad, 10 Februari 1946 di Bukit Gambir dan Parit Samsu, Johor (SUKJ. 6203/1945, 12 Februari 1946).

Ketika tentera Jepun menguasai Tanah Melayu, satu persetujuan bersama telah ditandatangani di antara PKM dan British. PKM bersetuju membantu British mengusir Jepun dari Tanah Melayu. Namun demikian, British tidak membincangkan mengenai ruang bagi komunis melegitimiasikan kekuasaan mereka berikutan pengunduran tentera Jepun. Perjanjian yang ditandatangani ini juga telah menyebabkan komunis berperanan sebagai penyokong kepada perjuangan British khususnya ketika pemerintahan Jepun. Justeru itu, MPAJA yang berpusat dalam hutan telah keluar dan memaksa penduduk kampung menjadi penyokong dengan mengenakan yuran serta membekalkan bahan makanan (Hairi Abdullah, Bil., 3/4, 1973/4, 1974/5: 6). Orang Melayu di kawasan perkampungan di Pahang tidak terkecuali diancam oleh gerila komunis (*CO 273/675/12*: 28). Kekejaman komunis selepas tentera Jepun berundur berlaku di serata lokasi di Tanah Melayu.

Dalam usaha menyebarkan ideologi, komunis dan KMT mengawal sistem persekolahan Cina. Di kawasan perkampungan, sekolah Melayu telah dijadikan sebagai tempat menyebarkan propaganda komunis. Peristiwa sedemikian telah berlaku di Sekolah Melayu Bekor, Kuala Kangsar, Perak (Mohamed Ali Haniffa, 2013). Komunis yang mendukung ideologi persamaan tanpa kelas telah berjaya meresap ke dalam kesatuan-kesatuan sekerja. Propaganda ini telah turut membawa kepada meletus dan merebaknya keruncingan hubungan etnik di Tanah Melayu. Antaranya ialah apabila PKM menggunakan pengaruh ke atas kesatuan sekerja dengan menganjurkan pemogokan melalui *General Labour Union* (GLU). Banyak pemogokan telah berlaku di Tanah Melayu melibatkan golongan pekerja bawahan yang terdiri daripada orang Cina (ADM/8/45). Pemogokan ini telah membawa kepada terjejasnya proses pengorientasian hasil bumi dari Tanah Melayu. Hal yang demikian juga telah membawa kepada lumpuhnya ekonomi di Tanah Melayu.

Dapat dilihat bahawa polisi pecah dan perintah British telah menyebabkan kedua-dua etnik Melayu dan Cina terus terpinggir. Proses tersebut juga merupakan suatu kejutan kepada orang Melayu kerana mereka telah terpinggir di tanah kelahiran mereka. Fahaman komunis dan kekejaman yang telah dilakukan khususnya terhadap orang Melayu telah menyebabkan berlakunya rasa tidak puas hati antara orang Melayu dan Cina.

Prejudis Orang Cina dan Melayu

Pemerintahan Jepun turut meninggalkan impak negatif khususnya terhadap hubungan etnik di Tanah Melayu. Tindakan pertama yang dilakukan oleh pentadbiran Jepun bagi meningkatkan imej mereka sebagai kuasa pembebas Asia ialah dengan mengadakan kunjungan dan pertemuan dengan pemimpin di peringkat akar umbi. Oleh yang demikian, satu perjumpaan tertutup telah diadakan dengan Sultan Melayu di Singapura. Jeneral Tojo telah memberikan pujian kepada sultan dan Raja-raja Melayu dalam perjumpaan tersebut. Ini kerana kerjasama yang diberikan sebelum dan semasa pemerintahan Jepun. Jeneral Tojo juga berharap agar sultan dan seluruh rakyat Tanah Melayu akan terus memberikan kerjasama kepada pentadbiran *Nippon* (CO 273/675/12). Tujuannya adalah untuk menarik sokongan rakyat terhadap polisi pemerintahan Jepun. Jepun juga telah melaksanakan polisi beragama yang lebih longgar bagi mendapatkan sokongan dalam kalangan orang Melayu. Hal yang demikian telah dilihat oleh orang Cina sebagai bersekongkol dengan pihak Jepun. Tanggapan ini dikuatkan lagi dengan tindakan pihak Jepun yang telah melakukan penindasan dan pembunuhan ke atas etnik Cina. Tuduhan yang menyatakan bahawa orang Melayu mendapat layanan istimewa adalah tidak benar. Orang Melayu juga telah menerima kesan dan seksaan berikutan pemerintahan kejam tentera Jepun di Tanah Melayu.

Pentadbiran Jepun juga telah mengambil orang Melayu berkhidmat dalam pasukan polis dan tentera bagi mendapatkan sokongan. Walaupun demikian, ramai di antara orang Melayu dan Cina yang diseksa kerana membantu pihak British. Tentera Jepun juga menyamar sebagai orang Cina dan masuk ke kawasan perkampungan orang Melayu bagi melakukan pembunuhan. Hal yang demikian juga telah menimbulkan prasangka di antara orang Melayu dan Cina. Orang Melayu berprasangka bahawa kejadian tersebut telah dilakukan oleh orang Cina (*PK. Sec. 2/46: Communal Disturbances*).

Komunis mempunyai tanggapan bahawa orang Melayu bekerjasama dengan Jepun dan cuba menindas mereka. Prasangka ini telah mencetuskan pergaduhan yang melibatkan orang Melayu dan orang Cina yang berfahaman komunis berikutan tentera Jepun menyerah kalah. Orang Cina meneruskan sentimen anti-Jepun dengan melakukan pemulauan. Walau bagaimanapun, pemulauan ini telah membawa kepada pembunuhan seramai 70,000 orang Cina di Singapura menerusi operasi *Sook Ching*. Hal ini berlaku kerana Jepun melabelkan kesemua orang Cina berkenaan sebagai komunis (CO 537/3757: 27-28). Menjelang tempoh kekalahan Jepun, keadaan inflasi menjadi tidak terkawal dan harga barangan melambung naik. Kesukaran dan imej Jepun sebagai kuasa pembebas semakin terhakis. Lantas, tentera Jepun mula menjalankan propaganda bagi melaga-lagakan orang Melayu dan Cina.

Percanggahan Budaya

Percanggahan budaya kehidupan di antara orang Melayu dan Cina turut menyumbang kepada meletusnya konflik perkauman. Pada peringkat awal pengambilan bilangan imigran lelaki yang tidak terkawal telah melebihi wanita. Hal yang demikian membawa kepada masalah pelacuran. Persaingan ekonomi, khabar angin dan provokasi turut memburukkan keadaan.

Penghijrahan orang Cina turut membawa budaya berjudi dan minum arak yang amat bertentangan dengan corak kehidupan orang Islam. Orang Cina turut menguruskan sekolah, rumah ibadat dan kemudahan yang lain di dalam masyarakat tanpa mengira pandangan masyarakat setempat. Di samping itu, mereka juga sering kali dilihat suka melibatkan diri dalam hal yang berkaitan dengan adat istiadat orang Melayu (*Seruan Ra'ayat*, 17 November 1945: 2).

Provokasi yang melampau turut mencetuskan konflik perkauman antara Melayu-Cina. Sifat prasangka akhirnya telah mencetuskan kerenggangan hubungan kaum. Ketegangan antara Melayu-Cina berterusan apabila pelbagai cerita dan spekulasi diwujudkan akibat daripada perasaan benci dan dendam. Akibat propaganda yang melampau, pihak British telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan arahan agar semua senjata yang dimiliki oleh orang Melayu diserahkan kepada pihak berkuasa British apabila *British Military Administration* (BMA) mengambil alih pemerintahan (*Seruan Ra'ayat*, 19 Januari 1946: 2).

Dilema kemiskinan orang Melayu juga turut menyumbang kepada kerenggangan hubungan Melayu-Cina. Sentimen anti-British semakin meningkat ketika Tanah Melayu mengalami kekurangan bahan makanan. Beberapa persoalan mula dikemukakan seperti lebih penduduk dan pertambahan bilangan tentera British di Tanah Melayu. Kebanyakan orang Eropah, Cina dan India terlibat dalam sektor ekonomi moden. Mereka mempunyai daya pengeluaran tinggi sebagai usahawan, pengurus dan pekerja dalam firma, ladang dan syarikat perniagaan. Manakala orang Melayu terlibat dalam sektor pertanian dan penangkapan ikan yang bersifat tradisi serta rendah daya pengeluaran. Keadaan yang terpisah ini menyebabkan berlakunya jurang perkauman (Ho Hui Ling, 2006: 2).

Orang Cina menggunakan kesempatan dan peluang yang telah diberikan oleh British dengan sebaiknya untuk memanipulasi ekonomi di Singapura dan Pulau Pinang. Malah mereka juga mengambil peluang untuk menguasai bidang pendidikan dan menjadi golongan peniaga. Kemelesetan ekonomi dunia yang berlaku pada tahun 1929 hingga 1932 turut melanda Tanah Melayu menyebabkan orang Melayu menyuarakan perasaan tidak puas hati tentang tahap penguasaan ekonomi yang kian terpinggir. Sedangkan Orang Cina terus menguasai ekonomi Tanah Melayu. Pertumbuhan ekonomi yang negatif pada tahun-tahun berikutnya turut menimbulkan pelbagai masalah sosioekonomi seperti kegelisahan buruh akibat kehilangan pekerjaan. Situasi ini telah menimbulkan masalah hubungan etnik apabila orang Melayu semakin merasakan kedudukan mereka digugat oleh golongan imigran. Hal yang demikian juga telah menyebabkan keyakinan penduduk Tanah Melayu terhadap British semakin terhakis.

Kegawatan ekonomi dunia turut meninggalkan impak kepada status pemilikan tanah pertanian. Ramai orang Melayu hanya memiliki kebun getah dan kelapa yang berkeluasan tidak melebihi tiga ekar seorang. Orang Melayu hanya diberikan tanah yang dikategorikan sebagai Rizab Melayu oleh British. Tanah Rizab Melayu ialah tanah yang telah ditolak oleh estet orang British (Ahmad Nazri Abdullah, 1985: 202). Isu pemilikan tanah pertanian dan pemeliharaan Tanah Rizab Melayu telah menjadi punca kepada meletusnya pergaduhan Melayu-Cina di perkampungan berhampiran dengan Sungai Perak, dan di beberapa buah lokasi di Selatan Ipoh. Isu ini telah mengakibatkan seramai 41 orang Cina dan 29 orang Melayu terkorban. Antara isu lain yang turut menjadi pencetus pergaduhan ialah soal pemilikan tanah sawah, pemeliharaan daerah Dinding sebagai Tanah Rizab Melayu dan halangan dominasi ekonomi oleh orang Cina di kawasan tersebut (*WO 172/9773*: 2). Begitu

juga, pergaduhan Melayu-Cina meletus di Dinding, Perak, disebabkan oleh orang Cina yang menceroboh Tanah Rizab Melayu (WO 172/9773: 249-250).

British, Jepun dan kekejaman komunis telah mencetuskan keadaan huru-hara selepas perang. Hal ini ditambah pula dengan sikap prejudis dan prasangka yang sukar dibendung telah berakar umbi dalam kalangan etnik di Tanah Melayu. Sentimen tersebut dipupuk oleh persepsi negatif berkaitan hubungan kaum sejak 1930-an, dan khususnya semasa serta selepas pendudukan Jepun. Sikap dendam di antara komuniti Melayu-Cina khususnya ketika pemerintahan British dan Jepun akhirnya diterjemahkan dalam bentuk pergaduhan kaum.

Konflik Melayu-Cina

Orang Melayu sudah tidak mempercayai komuniti Cina secara keseluruhan apabila komunis mulai mengganggu soal beribadat di surau dan masjid. Gangguan ini telah menyebabkan orang Melayu membentuk *Gerakan Sabilillah*. Gerakan ini bermatlamat untuk mewujudkan perasaan anti-MPAJA dengan tidak menyokong perjuangan komunis. Gerakan ini juga bertujuan untuk mempertahankan agama Islam dan kelangsungan hidup orang Melayu akibat daripada pembunuhan kejam serta kezaliman yang dilakukan ke atas mereka. Konflik perkauman Melayu-Cina telah meletus dan merebak di Johor antara Mac hingga Ogos 1945 sebelum Jepun menyerah kalah. Manakala konflik di Ayer Hitam bermula pada 20 Jun 1945. Seterusnya, kejadian kedua telah berlaku pada 21 Jun 1945 di Parit Kuman, Mukim Sungei Balang (SUKJ. 6203/1945: 13A).

Konflik terakhir pula telah berlaku di Mukim Sri Menanti pada 22 Ogos 1945 (SUKJ. 6203/1945: 13 A). Pada 20 Ogos 1945 seramai dua orang Cina telah dibunuh oleh orang Banjar di Batu 14, Sri-Menanti, Jalan Parit Jawa Muar. Hal yang demikian telah merenggangkan hubungan di antara orang Melayu dan Cina di Segamat serta terdapat beberapa kejadian pergaduhan. Kekacauan juga telah berlaku pada malam 9 Februari 1946 bersamaan hari Sabtu dan pada tengahari Ahad 10 Februari 1946 di Bukit Gambir serta Parit Samsu, Johor. Pergaduhan kecil juga sering kali dilaporkan berlaku di beberapa lokasi seperti di Pengerang iaitu di kawasan yang didiami oleh orang Melayu dan Cina (RCJ.65/46: 54). Pada 10 Jun 1945, MPAJA telah membunuh seorang Pegawai Daerah Batu Pahat, Ismail Abdullah, Tuan Haji Hasbullah (Kadi Batu Pahat), dan Dr.Woodhull (Pegawai Perubatan Batu Pahat) ketika mengadakan perundingan dengan MPAJA di Benut, Johor. Berikutan keganasan komunis ke atas orang Melayu, Kumpulan Parang Panjang Selempang Merah dibentuk di Simpang Kiri, Batu Pahat, Johor. Dalam tempoh masa yang kritikal ini, terdapat beberapa lagi kejadian pembunuhan orang Melayu yang tidak bersalah telah berlaku sebelum Jepun menyerah kalah. Kejadian ini berlaku apabila penduduk kampung, penghulu, ulama dan pendekar dibunuh kerana enggan memberikan sokongan serta kerjasama kepada komunis.

Konflik Melayu-Cina juga telah berlarutan di Sungai Manik, Perak di antara 15 Ogos 1945 sehingga 15 September 1945 (Cheah Boon Kheng, 1983: 230). Provokasi mengenai satu etnik diserang oleh etnik yang lain sengaja disebarkan dengan harapan akan berlaku pergaduhan sesama mereka. Pengumuman Jepun menyerah kalah pada 15 Ogos 1945 ialah pada bulan Ramadhan. Ini telah menyebabkan MPAJA dan *Malayan People Anti Japanese Union* (MPAJU) semakin berani mengisytiharkan kuasa mereka. Komunis mula menghukum penduduk kampung khususnya orang Melayu dengan mengikat kaki dan tangan serta dimasukkan ke dalam guni lalu dicampakkan ke dalam laut. Konflik Melayu-Cina yang mulai merebak di Perak menyebabkan orang Cina yang tinggal di Kampung Koh, Sitiawan, Ipoh,

Kampar, Langkap dan Chucap datang memberikan bantuan kepada orang-orang Cina yang masih menetap di Sungai Manik.

Konflik Melayu-Cina di Perak terus merebak sehinggakan kampung-kampung tradisional Melayu menjadi mangsa kekejaman komunis. Di Kampung Bekor, komunis telah menjadikan Sekolah Melayu Bekor sebagai markas dan memaksa penduduk kampung mendengar ceramah serta propaganda (Mohamed Ali Haniffa, 2016). Dalam satu kejadian, seramai 100 orang Cina telah lari bertempiran apabila dikejar oleh orang Melayu. Mereka telah merosakkan tanaman orang Melayu ketika bekerja membina jalan selebar 6 kaki. Pada pagi hari Rabu 6 Mac 1946, antara jam 5.00 hingga 5.30 pagi telah berlaku serangan komunis di Kampung Bekor yang telah dirancang dengan penuh teliti (CO 537/1580: 21). Serangan selama hampir dua jam ini telah menyebabkan seramai 80 orang Melayu termasuk kanak-kanak telah dibunuh. Bilangan yang paling ramai dibunuh ialah penduduk yang sedang bersolat subuh di Masjid Kampung Bekor. Dalam laporan perisik, British mendedahkan bahawa seramai 56 hingga 57 orang telah dibunuh oleh orang Cina selepas mereka selesai solat subuh dan ketika hendak meninggalkan Masjid Bekor (WO 172/ 9773, No. 19: 234-235). Ramai penduduk kampung yang mengalami kecederaan. Seramai 15 orang lelaki, tujuh wanita dan lapan orang kanak-kanak telah hilang.

Kekacauan dan kezaliman terhadap orang Melayu terus berlarutan hampir di semua lokasi di Tanah Melayu seperti berikut:

- i) Pada 19 September 1945 berlaku pembunuhan ke atas orang Melayu di Kota Bharu, Kelantan.
- ii) 26 September 1945 di Alor Gajah, Melaka, Selangor, Selama, Taiping, Parit, Sitiawan, Perak dan di Terengganu. Dalam kejadian di Sitiawan, seramai tujuh orang Cina terbunuh, dua cedera dan beberapa buah rumah dibakar. Pada hari berikutnya komunis membunuh dan mencederakan beberapa orang penduduk kampung.
- iii) Pada 6 November 1945, dalam satu serangan balas, sekumpulan orang Melayu seramai 300 hingga 400 orang telah menyerang orang Cina di Padang Lebar, Kuala Pilah. Dalam kejadian tersebut, seramai 40 orang Cina terkorban yang kebanyakannya terdiri dari wanita dan kanak-kanak.
- iv) Di Batu Malim, Raub, Pahang pada 11 Februari 1946, kekacauan berlaku di kawasan pasar yang melibatkan seramai 200 orang Melayu dan 150 orang Cina. Seramai 30 orang Cina terkorban termasuk 10 orang kanak-kanak Cina dan dua orang Melayu. Seramai 16 orang Cina dan 10 orang Melayu mengalami kecederaan.

Hubungan di antara Melayu-Cina terus terjejas walaupun Pentadbiran Tentera British mengambil alih pentadbiran. Terdapat banyak insiden pergaduhan sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

Kesimpulan

Penjajahan telah meninggalkan impak negatif dalam membentuk keharmonian dan ke atas sistem sosial masyarakat di Tanah Melayu. Dasar penjajahan British yang meminggirkan etnik berdasarkan kepada kepentingan ekonomi telah membentuk jurang perkauman. Oleh yang demikian, proses asimilasi dan sosialisasi dalam kalangan penduduk di Tanah Melayu tidak berlaku. Pendudukan Jepun juga turut menjadi faktor semerta kepada meletus dan merebaknya pergaduhan Melayu-Cina. Berikutan tekanan dan tindakan komunis yang tidak berperikemanusiaan, orang Melayu telah memikirkan strategi untuk mempertahankan nyawa

dan kelangsungan hidup. Pergaduhan Melayu-Cina yang telah berlaku selepas pengunduran tentera Jepun telah memberikan kejutan kepada British. Oleh yang demikian, British telah mengambil tindakan segera bagi mengekang kejadian pergaduhan ini daripada terus berlarutan.

Ternyata tindakan pengasingan ekonomi, politik dan sosiobudaya antara etnik di Tanah Melayu telah menjadi punca tercetusnya perasaan tidak puas hati antara satu sama lain. Apatah lagi antara etnik ini tidak diberi peluang untuk berinteraksi kerana pihak British dan Jepun mewujudkan provokasi demi kepentingan dasar penjajahan mereka ke atas Tanah Melayu. Ketidakadilan dalam pembahagian keterlibatan masyarakat tempatan dalam ekonomi perdagangan telah menyebabkan orang Melayu terpinggir kian merumitkan keadaan.

Bibliografi

- ADM/8/45, Petition From Perak Labour Union For The Release of Chen Hoong Ming & Leong Chin Chok.
- Ahmad Nazri Abdullah. (1985). *Melayu Dan Tanah*. Kuala Lumpur: Media Intelek Sdn. Bhd..
- Burridge, Kenelm, O.L.,. (Vol. II, No. 2, May 1951). 'Racial Relations in Johore,' *Australian Journal of Politics And History*.
- CO 273/675/12: Future policy New Constitution, Initial Relations With Malay Sultans On The Liberation Of Malaya.
- CO 537/1580: Growth Of Inter Racial Feeling In Malaya (SECRET).
- CO 537/3757: Malaya: Chinese Affairs And Correspondence With Mr. H.T. Pagden-1948.
- Cheah Boon Kheng. (1983). *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After The Japanese Occupation of Malaya, 1941-1946*, Singapore: Singapore University Press.
- Cheah Boon Kheng,. (Volume 12, No. 1, 1981). 'Sino Malay Conflicts in Malaya, 1945-1946: Communist Vendetta and Islamic Resistance,' *Journal of Southeast Asian History*.
- Del Tufo, M.V.. (1949). *A Report On The 1947 Census of Population*, Singapore: TheGovernment Publications Bureau Singapore.
- Godley, R. Micheal.. (1967). *The Mandarin Capitalists From Nanyang: Overseas Chinese Enterprise And The Modernazation of China, 1893-1911*, Cambridge University Press.
- Ho Hui Ling. (1-4 Disember 2006). "Darurat Dan Perpaduan Antara ETNIK", *Persidangan Kebangsaan Mengenai Dato' Onn Jaafar*.
- Hairi Abdullah. (*JEBAT*, Bil., 3/4, 1973/4, 1974/5). 'Kebangkitan Dan Gerakan Tentera Selendang Merah' dalam *Sejarah Daerah Muar dan Batu Pahat*.
- Ibrahim Mahmood. (1981). *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Mardiana Nordin & Hasnah Hussiin. 2014. *Pengajian Malaysia Edisi Kelima*. Selangor:Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Mohamed Ali bin Haniffa. 2013. 'Pergaduhan Melayu-Cina Selepas Pendudukan Jepun, 1945- 1955', *Tesis Doktor Falsafah*, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.
- Mohamed Ali Haniffa. 2016. Pendudukan Jepun dan Konflik Melayu-Cina di Tanah Melayu. Dlm. *Negara Bangsa Malaysia, Asas dan Cabaran*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.

- Mohamed Ali Haniffa. 2016. Darah dan Air Mata Bekor: Mengimbau Kembali Peristiwa 6 Mac 1946. *Jurnal Sejarah*, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya (<http://www.myjournal.my/public/browse-journal-view.php?id=37>).
- Mohamed Ali Haniffa. 2017. Survival Orang Melayu di Johor Berikutan Kekejaman Komunis, 1945. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies (Jebat)*. Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mansor Mohd. Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz, Mohamad Ainuddin Iskandar Lee. 2006. *Hubungan Etnik di Malaysia*, Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.. *Mingguan Malaysia*, 4 September 2011.
- PK. SEC. 2/46*: Communal Disturbances.
- RCJ. 65/46*: Weekly Situation Report, 10.4.46-8.2.48, Resident Commissioner Johore, 1946-1948.
- RCJ. 241/46*: Ulu Tiram Massacre And Exhumation Of Dead Bodies, 30.4.46-12.11.47.
- Raj, J.J. J.r.. 1995. *The War Year And After*, Petaling Jaya: Pelanduk Publication (M) Sdn. Bhd..
- SUKJ. 6203/1945: Outstation Reports And Correspondence Muar, 19.9.45-27.11.45, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (BMA/SCAO.J) 1945.
- Seruan Ra'ayat*, 17 November 1945.
- Seruan Ra'ayat*, 19 Januari 1946.
- WO 172/1784*: War Diary.
- WO 172/9773*: War Diary.
- Wan Norhasniah Wan Husin. 2015. *Peradaban dan Perkauman di Malaysia: Hubungan Etnik Melayu-Cina*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Wawancara dengan Tuan Haji Berahim bin Chik di No. 31, Taman Setia Jasa, Temerloh, Pahang, 21 Februari 2009.
- Zaharah Nawawi. 1995. *Panglima Salleh Selempang Merah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.